

Headline	100,000 terawal dapat sejadah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	49	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	365 cm ²
Journalist	Siraj Mohd Zaini	AdValue	RM 13,480
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,441



100,000 terawal dapat sejadah

FOTO.

■ Tabung Haji turut edar 50,000 air mineral untuk pengunjung Selawat Perdana

Oleh Siraj Mohd Zaini

Seramai 100,000 pengunjung terawal program Selawat Perdana 1435H/2014M - Malam Cinta Allah dan Rasul yang berlangsung di Dataran Masjid Putra, Presint 1, Putrajaya, hari ini, bakal mendapat sejadah yang disumbangkan Lembaga Tabung Haji (TH).

Sumbangan disampaikan Pengerusi TH Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim kepada Setiausaha Sekretariat Selawat Perdana Shahrul Nasrun Kamarudin di bangunan TH, di sini, semalam.

Abdul Azeez berkata, sumbangan itu adalah tanda sokongan TH terhadap program selawat terbesar yang pernah dianjurkan di negara ini.

Beliau berkata, pihaknya juga menyediakan 50,000 air mineral untuk diedarkan kepada pengunjung yang hadir pada program itu.

"TH bekerjasama dengan rakan korporat menyediakan sumbangan ini khusus untuk program yang dianjurkan esok (hari ini).

"Saya difahamkan, ratusan ribu rakyat yang beragama Islam akan hadir dan mereka yang ingin mendapatkan sejadah ini perlu hadir lebih awal lagi," katanya kepada pemberita selepas penyampaian sumbangan itu, semalam.

Sementara itu, penganjur mensasarkan seramai 500,000 orang akan hadir pada program berkenaan yang juga turut dihadiri Per-

dana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, bersama barisan anggota Kabinet kerajaan.

Majlis Selawat Perdana yang bertemakan Kesatuan, Perpaduan dan Persaudaraan itu akan menampilkan ikon agama dan pendakwah terkenal seperti Habib Syech Abdul Qodir As Seggaf serta Habib Ali Zaenal Abidin dari Indonesia.

Selain pelbagai program ilmu, selawat dan zikir, majlis itu bakal mengadakan solat hajat bagi mencari pesawat MH370 yang hilang sejak minggu lalu.

Majlis itu adalah anjuran Pertubuhan Belia Berdedikasi dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(JAKIM).

Headline	100,000 terawal dapat sejadah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	49	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	365 cm ²
Journalist	Siraj Mohd Zaini	AdValue	RM 13,480
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,441



ABDUL Azeez (tengah) bersama Shahrul Nasrun (kanan) melihat sejadah yang disumbangkan TH untuk program Sekawat Perdana.

FAKTA

Penganjur
 mensasarkan
 seramai 500,000
 orang akan hadir
 pada program
 berkenaan